

TEKNIK STENSIL SEBAGAI HIASAN
BARANGAN SERAMIK.

oleh:

ROSIDAH BT MOHAMMAD.

DIPLOMA SENIREKA SERAMIK.
KAJIAN SENILUKIS DAN SENIREKA.
INSTITUT TEKNOLOGI MARA.
SHAH ALAM SELANGOR.
SESSI 95 - 96.

PENGHARGAAN.

Setinggi-tinggi ucapan syukur ke hadrat Illahi kerana dengan berkat petunjuk dan hidayah-Nya, akhirnya tesis ini berjaya dihasilkan. Alhamdulillah, saya dapat menyiapkan tesis ini setelah menempuh pelbagai kepayahan dan kesulitan. Namun, dengan adanya insan-insan yang memahami dan menasihati, sedikit sebanyak telah mendorong diri saya untuk menyiapkannya.

Apa yang ingin saya sampaikan di sini adalah, segala bantuan, tunjuk ajar dan nasihat yang diberikan amat besar ertinya bagi diri saya. Rasanya tidak terbalas segala apa yang telah dicurahkan. Bagi saya, masih kurang ilmu yang saya perolehi. Masih banyak yang perlu saya pelajari. Pada saya, ucapan terima kasih sahaja tidak memadai dengan apa yang telah saya terima. Tetapi memandangkan hanya itu sahaja yang dapat melahirkan rasa pengiktirafan saya kepada orang perseorangan.

Dan dikesempatan ini, saya ingin melahirkan rasa gembira dan sanjung tinggi buat insan-insan yang amat saya hormati. Pertama-tama sekali buat en.Kamaruddin Kamsah selaku penasihat saya, terima kasih di atas segala nasihat dan tunjuk ajar yang diberikan selama ini. Tak lupa juga buat semua pensyarah-pensyarah di Jabatan Seramik yang telah banyak membantu. Juga buat teman-teman seperjuangan yang mana telah banyak membantu sama ada dari segi mental ataupun fizikal.

SINOPSIS.

Matlamat utama tesis ini dihasilkan adalah sebagai memenuhi salah satu keperluan Diploma Senilukis dan Senireka. Tesis ini juga bertujuan untuk memberi pengetahuan dan penerangan mengenai stensil. Dengan terhasil tesis ini diharap dapat menjadi salah satu sumber maklumat bagi mereka yang ingin mengetahui dan mendalaminya. Saya memilih "Teknik stensil sebagai hiasan barangan seramik" sebagai tesis saya kerana saya dapati ia agak menarik dan cara penghasilannya agak mudah dan juga kos bahan-bahannya yang agak murah. Selain itu juga, tesis ini lahir adalah kerana ia merupakan satu dekorasi yang menarik. Tetapi, di bengkel Jabatan Seramik, saya dan pelajar-pelajar yang lain tidak berpeluang untuk mempelajarinya memandangkan alat kelengkapannya masih tidak mencukupi. Objektif saya yang lain adalah saya ingin memperkenalkannya semula memandangkan ia semakin dilupakan.

Tesis ini adalah lebih kepada mengkaji asal-usul dan persejarahan penemuan stensil dan seterusnya meneliti bila iaq mula diperkenalkan dan bagaimana proses-proses menghasilkannya. Rujukan utama saya adalah berdasarkan buku-buku dan juga majalah. Stensil sudah lama digunakan, cuma ia tidak dihasilkan dengan lebih kreatif oleh pengkarya-pengkarya seramik, ttetapi sejak akhir-akhir ini ia mula digunakan semula dan maklumat-maklumat yang baru dan terperinci agak sukar diperolehi. Tiada buku yang menyatakan bagaimana stensil dihasilkan sebagai corak hiasan permukaan barangan seramik dengan terperinci. Dalam

1.	HALAMAN PEMERIKSA.	
2.	PENGHARGAAN.	
3.	SINOPSIS :	
	i. Kaedah.	
	ii. Tujuan.	
	iii. Keputusan.	
	iv. Kesimpulan.	
4.	BAB 1: PENGENALAN.	1
5.	BAB 2: PERSEJARAHAAN AWAL.	3
6.	BAB 3: JENIS - JENIS STENSIL.	
	3.1. PENDEFINASIAN.	15
	3.2. WAX RESIST.	17
	3.3. CUT PAPER STENCIL DAN CUT FILM STENCIL.	31
	3.4. MASKING TAPE.	34
	3.5. SCREEN PRINTING.	47
7.	BAB 4: KESIMPULAN DAN RUMUSAN.	53
8.	SENARAI SISIPAN.	56
9.	BIBLIOGRAFI / RUJUKAN.	57

BAB 1.

Pengenalan.

Bila disebutkan seramik, masih ramai yang tidak tahu akan maknanya yang sebenar. Seramik hanya dikaitkan dengan barangan pasu bunga. Tetapi, seramik adalah nama yang digunakan untuk memperkenalkan barangan yang diperbuat dengan bahan utamanya iaitu tanah liat. Tanah liat pula dalam istilah sainsnya ialah **lumpung merupakan bahan mentah** yang mudah didapati dan diperolehi. Namun begitu, masih ramai yang tidak tahu akan kepentingan dan keperluannya dewasa ini. Barangan seramik dihasilkan dari tanah liat yang mempunyai pelbagai jenis dan cara pembuatan bergantung kepada kehendak dan permintaan pengguna.

Terhasilnya peralatan teknologi moden, barangan seramik yang dihasilkan tidak lagi tertumpu kepada barangan perhiasan dan keperluan kegunaan harian, tetapi juga sudah meluas skopnya dalam bidang kehidupan yang lain. Kini, dengan kepakaran yang sedia ada, pelbagai ciptaan baru diperkenalkan seperti pembuatan bahagian-bahagian kereta, kapal terbang, 'shuttle space' dan lain-lain lagi.

Barangan seramik bagi kegunaan harian, mempunyai hiasan coraknya yang menarik. Setiap barangan produk dengan teknik hiasan coraknya yang tersendiri. Dengan keadaan barangan seramik yang 'hollow' dan juga 'flat', teknik corak hiasan yang digunakan adalah berlainan. Kini, bagi